



15 OCT, 2024

Kastam rampas pelbagai komoditi bernilai RM11 juta

Harian Metro, Malaysia



Kastam rampas pelbagai komoditi bernilai RM11 juta

Pelabuhan Klang: Pelbagai komoditi yang dibawa masuk secara haram membabitkan kenderaan import, minuman keras, bahan kimia, rokok putih dan rokok keretek bernilai RM11,057,800 dirampas Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Tengah Unit II (Selangor), baru-baru ini.

Ketua Pengarah JKDM Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin berkata, bagi rampasan kenderaan import pada 22 Ogos lalu, tiga kontena ditahan masing-masing satu kontena di Pelabuhan Utara dan dua kontena di Pelabuhan Barat, di sini.

"Pemeriksaan mendapati kontena dari Asia Timur itu mengandungi enam kenderaan import dipercayai tidak mempunyai permit import.

"Semua kenderaan itu dianggarkan bernilai RM292,000 manakala duti dan cukai dianggarkan berjumlah RM502,000.

"Pengimportan kenderaan import tertakluk kepada permit import dikeluarkan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (Miti) sebagai mana digariskan di dalam Butiran 3(2), Bahagian I, Jadual Kedua, Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2023," katanya di Wisma Kastam Selangor, Pulau Indah di sini, semalam.

Anis Rizana berkata, pada 26 September lalu, JKDM menyita lima kontena di Pelabuhan Utara dan Pelabuhan Barat mengandungi 79,104 liter minuman keras dipercayai tidak mempunyai permit import.

"Semuanya dianggarkan bernilai RM506,000 manakala duti dan cukai dianggarkan berjumlah RM2.60 juta," katanya.



15 OCT, 2024

Kastam rampas pelbagai komoditi bernilai RM11 juta

Harian Metro, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Pelabuhan Klang: Pel - bagai komoditi yang dibawa masuk secara haram membabitkan kenderaan import, minuman keras, bahan kimia, rokok putih dan rokok keretek bernilai RM11,057,800 dirampas Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Tengah Unit II (Selangor), baru-baru ini. Ketua Pengarah JKDM Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin berkata, bagi rampasan kenderaan import pada 22 Ogos lalu, tiga kontena ditahan masing-masing satu kontena di Pelabuhan Utara dan dua kontena di Pelabuhan Barat, di sini.